

SULIT

NAMA:

KELAS:

3767/2
Ekonomi
Kertas 2
Julai / Ogos
2026
2 ¼ jam



No. Kad Pengenalan..... Angka Giliran.....

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2026**

**EKONOMI
KERTAS 2**

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
5. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak

3767/2 ©2026 Hak cipta MPSM Negeri Sembilan

Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian A**[60 markah]***Jawab semua soalan di bahagian ini.*

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah kekurangan yang dihadapi oleh kerajaan.



Bagaimanakah kerajaan menyelesaikan masalah tersebut?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

- (b) Persaingan bebas dalam sistem ekonomi kapitalis memberi manfaat kepada firma dan pengguna.
Jelaskan.

.....

.....

.....

.....


.....

.....

[5 markah]



- (c) Dengan bantuan rajah yang sesuai, jelaskan hukum penawaran suatu barang.



.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan harga dan kuantiti ditawarkan bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
7	10
10	14

- (i) Hitung keanjalan harga penawaran apabila harga meningkat.

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Tafsirkan nilai keanjalan harga penawaran barang di 1(d)(i).

.....

.....

.....

[2 markah]



- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan pendapatan individu.

Encik Alex merupakan seorang penjawat awam dengan gaji bulanan sebanyak RM5 000 dan menerima sewa rumah sebanyak RM700. Setiap bulan Encik Alex memberi RM500 kepada isterinya sebagai wang saku.

- (i) Berapakah jumlah pendapatan tidak produktif dalam situasi tersebut?

.....

[1 markah]

- (ii) Bandingkan jenis pendapatan yang diterima oleh isi rumah tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[5 markah]

- (b) Cik Alice mahukan pulangan yang tinggi dan sanggup menanggung risiko ketidakpastian.
Terangkan jenis pelaburan yang sesuai disertai oleh beliau.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 (c) Jadual berikut menunjukkan butiran perbelanjaan Firma Jusjas yang mengeluarkan 100 000 unit jus nanas dalam masa enam bulan.

Butiran	RM
Sewa kilang	15 000
Gaji pekerja	60 000
Bahan mentah	20 000
Insurans kilang	4 000
Air dan elektrik	5 000

Hitungkan:

- (i) Kos tetap

.....
.....
.....

[2 markah]

- (ii) Kos berubah

.....
.....
.....

[2 markah]

- (iii) Kos purata

.....
.....
.....

[2 markah]



- 2 (d) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu projek pembangunan di Negeri Sembilan.



Bincangkan kesan eksternaliti daripada projek tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi.

Ketegangan di Asia Barat mengakibatkan harga minyak mentah dunia melonjak. Keadaan ini telah menyebabkan peningkatan dalam kos pengangkutan dan logistik.

Sumber: Ubah suai Utusan Melayu, 30 Mac 2026

- (i) Tentukan jenis inflasi yang berkaitan dengan situasi tersebut.

.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan kesan 3(a)(i) terhadap:
(a) Harga Barang

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Eksport

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan.

Kerajaan memperuntukkan lebih RM10 bilion untuk menampung kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 13% yang bermula pada Disember ini.

Sumber: Bernama, 01 Mei 2024

Huraikan konsep perbelanjaan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 (c) (i) Apakah maksud globalisasi?

.....
.....
.....

[2 markah]

(ii) Jelaskan ciri globalisasi.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]



- 3 (d) Jadual berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan dua buah negara.

Tarikh	1 Dolar New Zealand	1 Dolar Amerika
Mac 2024	RM2.9534	RM4.8214
Mac 2025	RM2.5500	RM4.4853

Sumber: anm.gov.my

- (i) Jelaskan kesan perubahan tersebut kepadaimbangan dagangan Malaysia dengan New Zealand.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (ii) Adakah tindakan melancong ke Amerika pada Mac 2025 satu tindakan yang bijak?
Beri alasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

4. Maklumat berikut berkaitan dengan satu situasi ekonomi di Malaysia.

KUALA LUMPUR: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), memaklumkan kadar inflasi meningkat 1.7 peratus pada Mac 2026. Kenaikkan ini didorong oleh peningkatan terbesar dalam IHP kumpulan pengangkutan berikutan krisis tenaga yang melonjakkan harga minyak mentah global lebih 40 peratus. Situasi tersebut telah memberi impak kepada kos input dan logistik dalam rantai bekalan makanan domestik.

Sumber: Diubah suai daripada www.bharian.com.my, 17 April 2026

- (a) (i) Lakarkan rajah perubahan keseimbangan pasaran bekalan makanan domestik pada situasi tersebut. [3 markah]
- (ii) Jelaskan rajah di 4(a)(i). [4 markah]
- (b) Krisis tenaga tersebut memberi kesan terhadap industri bekalan makanan. Berikan justifikasi anda. [9 markah]
- (c) Bagaimanakah firma menangani impak tersebut bagi maksimumkan untung? [4 markah]



- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dalam ekonomi.

MAKLUMAT 1

Kerajaan Malaysia berperanan untuk mengurangkan 30 peratus pelepasan karbon menjelang tahun 2030 dengan menggalakkan pengangkutan hijau dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dalam sektor pengangkutan negara. Bagi merealisasikan peranan ini, kerajaan telah merangka pelan strategik mobiliti hijau yang merangkumi pengangkutan awam dan kenderaan elektrik (EV).

Pelbagai inisiatif yang diberikan oleh kerajaan seperti pengecualian cukai pendapatan bagi firma yang mengeluarkan peralatan pengecasan EV dan membina kemudahan stesen pengecasan.

Sumber: Tinjauan ekonomi 2025

MAKLUMAT 2

KUALA LUMPUR: Selari dengan kecenderungan pengguna ke arah mobiliti hijau, jualan kenderaan elektrik (EV) telah melonjak pada tahun 2025 susulan pengecualian duti import dan eksais bagi EV import.

Jualan EV meningkat 109 peratus tahun ke tahun, yang merangkumi sekitar 3.8 peratus daripada jumlah keseluruhan industri outomatif. Peningkatan pesat ini dipacu kemasukan agresif kenderaan EV daripada China dan pengeluar tempatan. Kenderaan BYD daripada China mendahului persaingan diikuti oleh Proton dan Tesla daripada Amerika Syarikat.

Sumber: Ubah suai BH Online, 22 Januari 2026

- (a) (i) Apakah peranan kerajaan di Maklumat 1. [1 markah]
(ii) Jelaskan peranan di 5(a)(i). [6 markah]
- (b) Peranan kerajaan melalui pelan mobiliti hijau di Maklumat 1 dan Maklumat 2 memberi impak positif kepada ekonomi negara. Perincikan. [9 markah]
- (c) Setujukah anda insentif yang diberikan oleh kerajaan di Maklumat 2? Kemukakan alasan. [4 markah]

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu dasar ekonomi yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia.



Sumber: Diubah suai hmetro.com.my, 9 Julai 2025

- (a) (i) Apakah dasar yang dilaksanakan dalam situasi di atas? [1 markah]
 (ii) Bagaimanakah dasar di 6(a)(i) dapat memastikan kestabilan ekonomi dicapai? [6 markah]
- (b) Perubahan OPR tersebut membantu pertumbuhan ekonomi negara. Buktikan. [9 markah]
- (c) Sebagai pengguna, wajarkah anda memilih pembayaran secara kredit apabila berlaku perubahan OPR tersebut? [4 markah]
 Kemukakan alasan.
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia (RM).

Kuala Lumpur: Ringgit menunjukkan prestasi baik apabila konsisten mengukuh sepanjang suku ketiga 2025, kerana asas ekonomi yang stabil serta sikap pelabur yang positif.

Beberapa faktor yang menggerakkan pengukuhan ringgit, termasuk unjuran pertumbuhan ekonomi yang lebih stabil, aliran masuk pelaburan langsung asing serta perkembangan positif dalam rundingan perdagangan global.

Sumber: Ubah suai hmetro.com.my, 13 Nov 2025

- (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pengukuhan ringgit? [3 markah]
 (ii) Mengapakah situasi di 7(a)(i) boleh berlaku? [4 markah]
- (b) Aliran masuk pelaburan langsung asing mempengaruhi prestasi Ringgit Malaysia dalam tempoh masa tersebut. Beri alasan. [4 markah]
- (c) Peningkatan pelaburan langsung asing akan menyebabkan lebih akaun semasa. Bincangkan. [9 markah]